**Di Bawah Langit Yang Sama**
**(Lim Swee Tin)**

## Maksud

**Rangkap 1**
Penyajak menggambarkan bahawa walau di manapun kita berada, kita menghirup udara yang sama dan berada di bumi ciptaan Tuhan. Taraf manusia pun sama.

**Rangkap 2**
Penyajak kagum akan gerimis di kota London dan terpesona dengan tiupan bayu dingin di Washington. Namun aneka warna tumbuh-tumbuhan tetap serupa. Tempat-tempat lain yang mempunyai keisimewaan tersendiri juga didiami oleh manusia**.**

**Rangkap 3**
Penyajak ingin menjelajah ke seluruh pelosok dunia untuk mengeratkan hubungan silaturahim dan berkongsi impian yang sama iaitu melihat keamanan dan keharmonian dunia. Beliau ingin melihat dunia bersama-sama bagi memperjuangkan keamanan.

**Rangkap 4**
Penyajak mendapati manusia sering dipisahkan oleh sempadan negara dan untuk memasuki negara tersebut perlu ada dokumen rasmi seperti pasport dan visa. Penyajak menyeru rakyat di dunia agar sama-sama berjuang mencapai keamanan dunia serta mengikis rasa benci dan dendam .

## Tema

Kesamatarafan manusia walau di mana-mana mereka berada. Walaupun manusia itu berada dan dipisahkan oleh sempadan, mereka setaraf dan mengimpikan kehidupan yang aman dan harmoni.

## Persoalan

1. Persoalan keindahan alam semula jadi di sesuatu tempat. Setiap tempat mempunyai keindahan alam semulajadi yang tersendiri.

2. Persoalan harapan dan impian manusia sejagat untuk kehidupan yang aman dan harmoni.Setiap orang mempunyai impian dan harapan untuk kehidupan yang aman dan harmoni.

3. Persoalan garis sempadan seringkali memisah dan membezakan manusia.Manusia dipisahkan oleh faktor geografi.

4. Persoalan kepentingan nilai hormat dan menghormati antara manusia. Nilai ini penting dalam kehidupan.

## Bentuk

1. Bebas

2. Terdapat 4 rangkap dalam sajak ini.

3. Rima akhir baris-baris ayat
   - Rangkap 1 terdapat 6 baris ayat. Rima akhirnya aabbaa.
   - Rangkap 2 terdapat 7 baris ayat. Rimanya aabbbca
   - Rangkap 3 terdapat 8 baris ayat. Rima akhirnya abcabbbb
   - Rangkap 4 terdapat 9 baris ayat. Rima akhirnya aabbbcdeb

## Nada

Sinis

## Gaya Bahasa

1. Ayatnya pendek-pendek
   Contohnya : Di bawah langitnya

2. Diksi – mudah difahami dan puitis
   Contohnya: Aku suka gerimis di Kota London.

3. Kata pinjaman bahasa Inggeris
   Contohnya :i visa, pasport,

4. Aliterasi – perulangan konsonan’n’
   Contohnya : : poho**n**-poho**n** hijau atau a**n**eka war**n**a

5. Asonansi – perulangan vokal ’i’
   Contohnya : berkongs**i** s**i**ang m**i**l**i**k**i** malam

6. Sinkope
   Contohnya : mu, ku

7. Perulangan
   . Contohnya Di bawah langit ini.

8. kata ganda
   . Contohnya : pohon-pohon, peta-peta

**Nilai**

1. Nilai menghargai keindahan alam. Keindahan alam perlu dihargai.

2. Nilai hormat- menghormati sesama manusia. Nilai ini penting dalam kehidupan seharian.

3. Nilai bertoleransi antara masyarakat. Toleransi penting dalam kehidupan bermasyarakat.

4. Nilai bekerjasama dalam menjayakan sesuatu.Kerjasama penting untuk menjayakan sesuatu.

**Pengajaran**

1. Kita mestilah menganggap manusia sebenarnya sama taraf walau di manapun mereka berada.

2. Kita mestilah menganggap setiap tempat mempunyai keistimewaannya yang tersendiri.

3. Kita hendaklah sedar bahawa manusia seringkali dipisah dan dibezakan oleh sempadan waktu dan tempat

4. Kita mestilah mewujudkan hubungan harmoni sesama negara dan rakyatnya.

5. Kita hendaklah mengimpikan kehidupan yang lebih baik dan harmoni.

**Latihan**

**1.** Rima akhir ialah bunyi di hujung setiap baris. Apakah rima akhir bagi rangkap di bawah?

Peta-peta itu yang memisahkan
Jangan tutup pos sempadan
Visa hanya keperluan rasmi seketika
Pasport dokumen pengenalan titik mula

Jawapan: rima aabb

**2.** Tuliskan latar tempat luar negara yang ditulis dalam sajak ini.

Jawapan: latar tempat – Beirut, London, Washington, Australia, Afrika